

22 NOV 1996

Mahathir-Apec

MALAYSIA SUARAKAN KEBIMBANGAN NEGARA KECIL

KUALA LUMPUR, 22 Nov (Bernama) -- Malaysia akan menyuarakan kebimbangan negara kecil mengenai dasar perdagangan bebas Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) apabila pemimpin 18 negara anggotanya bermesyuarat di Manila, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Beliau berkata dasar itu yang dijadual dilaksanakan oleh negara maju menjelang tahun 2010 dan negara lain pada 2020, telah menimbulkan kebimbangan besar di kalangan negara yang lebih kecil.

"Negara kaya mahu kita membuka pasaran kita supaya mereka boleh menjual barangan mereka. Mereka juga mahu datang dan melakukan perniagaan tanpa apa-apa sekatan di negara kita.

"Tetapi jika kita membenarkan ini berlaku industri kita yang lebih kecil mungkin tidak dapat bersaing dengan mereka dan bank kita juga adalah terlalu kecil untuk bersaing dengan mereka," katanya selepas menerima kunjungan 14 wartawan dari negara Balkan di Jabatan Perdana Menteri di sini.

Beliau menjawab pertanyaan yang dikemukakan seorang wartawan dari Croatia yang ingin tahu pendirian Malaysia pada persidangan Apec yang akan datang pada 24 dan 25 Nov.

"Dalam hal ini kita ingin memastikan bahawa negara yang lebih kecil, yang ekonominya masih lemah, akan dapat berkembang tanpa dihalang oleh negara kaya," kata beliau.

Katanya Malaysia akan bercakap bagi pihak negara-negara berkenaan bagi menjamin yang mereka akan dilindungi dengan secukupnya supaya dapat berkembang.

"Sebaik sahaja kita sudah berkembang maju, sudah tentu kita boleh membuka pasaran kita untuk perdagangan bebas itu tetapi dalam keadaan hari ini kita masih belum dapat berbuat demikian," kata beliau.

Mengenai lawatannya ke Croatia yang dijadualkan awal tahun depan, Dr Mahathir berkata Malaysia pasti akan mengambil peluang itu untuk mengukuhkan lagi hubungan dua hala dan perdagangan dengan kerajaan Croatia di samping menggalakkan sektor swasta merebut peluang yang luas di kedua-dua negara.

Dr Mahathir berkata Croatia dan negara bekas Yugoslavia yang lain mempunyai potensi yang besar dalam bidang pembuatan dan perdagangan sebaik sahaja keamanan dipulihkan di rantau itu. -- BERNAMA

AH NMO